

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 31 Mei 2016 15:49
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AHLI AKADEMIK KUISAS - PERSATU BERSATU HATI MENONGKAH CABARAN



31 MEI 2016 / 24 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

AHLI AKADEMIK KUISAS - PERSATU BERSATU HATI MENONGKAH CABARAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Cabaran terhadap dunia akademik semakin hebat, justeru ahli akademik perlu berani menerajui perubahan pemikiran, budaya dan perubahan zaman yang perlu berdepan dengan cara dan strategi yang sentiasa memerlukan komitmen yang tinggi demi memartabatkan kecemerlangan akademik secara global.

Dalam konteks tersebut, ahli Persatuan Kebajikan Kakitangan Akademik Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, Bandar Di Raja Kuala Kangsar (KUISAS) telah mengadakan lawatan kerja ke UUM di samping mengadakan mesyuarat dengan Persatuan Staf Akademik Universiti Utara Malaysia (PERSATU) untuk bertukar fikiran serta pengalaman dalam dunia akademik.

Ketibaan pengerusinya, Dr. Mohd. Faizal Abdul Khir dan ahli jawatankuasa ke Welcome Centre telah diraikan oleh Presiden PERSATU, Prof. Madya Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan, Exco PERSATU, Al-Hanisham Mohd. Khalid serta beberapa ahli jawatankuasa PERSATU.

Jelaslah, kedua-dua pihak bersatu hati dan sepakat bagi menghadapi arus cabaran akademik serta mengenalpasti apakah persiapannya.

Sebelum memulakan agenda mereka di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Welcome Centre, tetamu telah diberi penjelasan sepintas lalu tentang kepimpinan, sejarah serta Discover UUM sambil melawat Welcome Centre.

Dalam lawatan ringkas tersebut, Dr. Mohd, Faizal berkata,

“Teruskan penambahbaikan berterusan”.

“ Amat memuaskan hati”.

“TAHNIAH UUM!”.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

